

Bayan Lepas: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang di Limbongan Batu Maung di sini, semalam melupuskan bot nelayan asing dan tempatan serta peralatan menangkap ikan bernilai RM192,000 selepas mendaapat keputusan lucut hak daripada mahkamah.

Pelupusan yang dilakukan menerusi kaedah hancur musnah itu membabitkan lima bot nelayan asing Indonesia, satu bot fiber nelayan tempatan, 492 set bubu naga dan dua pukat lohong hasil tangkapan pada 2021.

Pengarah APMM Negeri, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, lima bot berkenaan bernilai RM30,000 setiap satu, bot fiber (RM12,000) manakala bubu naga dan pukat lohong masing-masing berjumlah RM24,600 dan RM6,000.

Katanya, kes pelupusan lucut hak itu membabitkan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 seperti tiada

APMM lupus bot nelayan asing bernilai RM192,000




Pelupusan itu adalah amaran jelas oleh APMM yang tegas dalam melaksana undang-undang bagi memastikan sumber perikanan negara dapat dilindungi dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak"

Abd Razak

4M 29/12/2022 ms.5

permit menangkap ikan di perairan Malaysia, penggunaan peralatan menangkap ikan yang tidak dibenarkan dan bot tempatan tidak mempunyai nombor pendaftaran.

"Pelupusan itu adalah amaran jelas oleh APMM yang tegas dalam melaksana



ABD Razak (dua dari kanan) melihat proses pelupusan bot di Limbongan Batu Maung, semalam. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

undang-undang bagi memastikan sumber perikanan negara dapat dilindungi dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak.

"Buat masa ini, masih ada lagi beberapa barang eksibit yang menunggu proses lucut hak dari mahkamah termasuk dadah jenis syabu dengan anggaran lebih RM100 juta dan mengambil sedikit masa berikutan proses pendakwaan masih berlangsung.

"Sepanjang tahun ini hingga November lalu, sebanyak 4,379 pemeriksaan dan penggeledahan dilakukan dengan membawa kepada 76 tangkapan atas kesalahan pelbagai akta termasuk 10 kes pengusiran membabitkan bot nelayan asing Indonesia," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas mengenai pengusiran itu, Abd Razak berkata, kawasan *Unresolved*

Maritime Boundary antara yang menjadi lokasi utama pencerobohan nelayan asing di perairan negeri Pulau Pinang.

Ia berdasarkan tangkapan nelayan asing oleh pihaknya yang dilakukan sejak Januari lalu.

"Kawasan itu diceroboh kerana tidak ada nelayan tempatan yang masuk ke perairan itu bagi menangkap ikan selain mempunyai hasil laut yang banyak.

"Dari segi penguatkuasaan, setiap tahun kita menjalinkan kerjasama agensi penguatkuasaan luar negara dalam menangani aktiviti jenayah kontraband, penyeludupan imigran, risikan dadah dan jenayah rentas sempadan," katanya lagi.

Unresolved Maritime Boundary terletak pada 80 batu nautika dari barat Pulau Kendi, iaitu kawasan perairan yang dituntut Malaysia dan Indonesia.



SEBAHAGIAN bubu naga dilupuskan melalui kaedah hancur musnah di Limbongan Batu Maung.